

16/02/2001

Calon usah jaja nama pemimpin tertinggi

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Calon yang ingin bertanding dalam pemilihan Umno bahagian April ini, diingatkan supaya tidak menggunakan nama pemimpin tertinggi parti ketika berkempen.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika memberi peringatan itu berkata, sudah ada ahli yang mendakwa mereka mendapat restu pemimpin tertentu untuk bertanding.

"Kempen sudah mulai rancak dan banyak aduan diterima. Saya ingin nyatakan bahawa presiden, saya dan naib presiden tidak campur tangan dalam pemilihan bahagian," katanya pada Majlis Taklimat Persidangan Cawangan dan Perwakilan Bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Majlis Tertinggi (MT) Umno sebelum ini memutuskan mesyuarat cawangan akan bermula dari 1 hingga 31 Mac ini, manakala bahagian pada April.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, ahli Umno cawangan perlu memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui bahagian bagi memastikan parti sentiasa diterima masyarakat.

"Rakyat kini semakin kritis terhadap apa yang berlaku dalam Umno berbanding ketika pertandingan sehingga mewujudkan team A dan team B dahulu.

"Mereka kritis dan mempersoalkan apakah Umno mampu terus menjaga kepentingan orang Melayu pada masa depan," katanya sambil menambah pandangan itu diberikan oleh pegawai pelbagai agensi kerajaan, pagi ini.

Serentak itu, Abdullah meminta pemimpin bahagian supaya bermuafakat dan bekerjasama untuk memilih peneraju bahagian seperti yang disarankan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Umno perlu mengatasi setiap masalah secara muafakat untuk memastikan parti sentiasa kukuh bagi menghadapi sebarang cabaran," katanya.

Abdullah turut mengingatkan ahli Umno bahawa Pas tidak akan dapat melemahkan Umno sebaliknya pemilihan yang membelakangkan peraturan boleh memporak-perandakan parti.

"Pemilihan bukan untuk memilih siapa yang menang tetapi memastikan Umno bahagian terus menang sekiranya kepimpinan bahagian diserahkan kepada mereka yang berwibawa.

"Pemimpin yang berwibawa berjuang untuk terus mengukuh dan menjaga kepentingan parti, bukan kerana ada agenda untuk kepentingan diri, kawan atau kumpulan," katanya.

Beliau berkata, jika setiap ahli mengutamakan kepentingan parti, Insya-Allah Umno akan sentiasa kuat dan menjadi parti yang sentiasa diterima rakyat negara ini.

(END)